

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 16

### RM300j bina Lebuh Raya Rakyat di Kelantan

## RM300j bina Lebuh Raya Rakyat di Kelantan

**Kota Bharu:** Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan berjumlah RM300 juta dalam pelaksanaan Lebuh Raya Rakyat di Bukit Tiu ke Kampung Berangan Mek Nab membabitkan jajaran sepanjang 10 kilometer (km).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata peruntukan berkenaan sudah diluluskan di bawah projek pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang dijangka bermula pada April ini dan memerlukan tempoh 36 bulan untuk disiapkan.

Katanya, dua tahun lalu, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sudah mengadakan perbincangan mengenai hala tuju projek berkenaan dan pada tahun lalu mencapai persetujuan untuk menjalankan kerjasama.

"Dalam persetujuan itu, Kerajaan Persekutuan bersetuju menyambung serta menyiapkan ja-

jaran sepanjang 10km dan kerajaan negeri sudah pun menyiapkannya 35 peratus," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak projek Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai (KB-KK) di Kok Lanas di sini, semalam.

Dalam perkembangan sama, Mustapa berkata, bagi perkembangan pelaksanaan Pakej 2B iaitu dari Ketereh ke Kok Lanas yang sedang dilaksanakan pada masa ini mengalami kelewatan 15 peratus berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selain itu pengambilan tanah.

"Projek sepanjang 6.2km ini sebenarnya pada peringkat awal tidak menghadapi sebarang masalah dan berjalan mengikut jadual, namun difahamkan pada

Oktoper tahun lalu pihak kontraktor berhadapan dengan masalah kewangan berikutkan kenakan kos bahan binaan.

"Projek Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai membabitkan Pakej 2B (dari Ketereh ke Kok Lanas) yang sedang dilaksanakan sepatutnya dapat diselesaikan pada akhir Mac tahun ini, namun ia dijangka siap pada Oktober nanti.

"Bagaimanapun, pembinaan projek ini akan dipantau Jabatan Kerja Raya (JKR) dan setakat ini tidak ada isu berbangkit mengenai kos tambahan bagi menyiapkan projek ini. Jika mengikut kos awal ia membabitkan perbelanjaan RM200 juta, namun setakat ini RM168 juta," katanya.

Beliau berkata, projek Lebuh Raya KB-KK membabitkan jarak 67.56km dengan anggaran kos keseluruhan RM2.7 bilion dijangka siap pada 2025 dan akan bersambung dengan projek Central Spine Road yang bermula di Kuala Krai.

"Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan kemajuan pelaksanaan pakej di bawah projek Lebuh Raya KB-KK yang secara tidak langsung akan memberi impak yang besar kepada rakyat Kelantan, terutamanya dalam mengatasi kesesakan ketika musim perayaan dan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri.

"Projek ini juga sebahagian daripada usaha Kerajaan Persekutuan meningkatkan kesalinghubungan antara bandar dan seterusnya rapatkan jurang pembangunan antara wilayah seperti mana yang menjadi satu tumpuan dalam RMK-12," katanya.



Mustapa Mohamed